



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***STRATEGI PEMBELAJARAN BAHASA PERANCIS DALAM KALANGAN
PELAJAR TINGKATAN DUA DI SEKOLAH BERASRAMA PENUH***

MUHAMMED ZAINUL

FPP 2015 37



**STRATEGI PEMBELAJARAN BAHASA PERANCIS DALAM KALANGAN
PELAJAR TINGKATAN DUA DI SEKOLAH BERASRAMA PENUH**

Oleh

MUHAMMED ZAINUL

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, skbagai memenuhi keperluan untuk
Ijazah Master Sains**

April 2015

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terlebih dahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta @ Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**STRATEGI PEMBELAJARAN BAHASA PERANCIS DALAM
KALANGAN PELAJAR TINGKATAN DUA DI SEKOLAH BERASRAMA
PENUH**

Oleh

MUHAMMED ZAINUL

April 2015

Pengerusi : Fadzilah Abdul Rahman, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini dijalankan untuk melihat kekerapan strategi pembelajaran bahasa yang sering digunakan oleh pelajar-pelajar untuk mempelajari bahasa Perancis.

Kajian berbentuk tinjauan ini melibatkan seramai 156 orang pelajar Tingkatan Dua di enam buah sekolah berasrama Penuh di Zon Timur. Subjek kajian dipilih menggunakan teknik persampelan secara rawak mudah dan bertujuan. Data dikumpul dengan menggunakan soal selidik SILL versi 7 (Oxford, 1990) yang telah diubahsuai dan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu untuk mendapat maklumat mengenai kekerapan strategi pembelajaran bahasa Perancis. Terdapat enam strategi di bawah strategi pembelajaran Oxford iaitu, strategi memori, strategi kognitif, strategi kompensasi, strategi metakognitif, strategi afektif dan strategi sosial. Ujian-T tidak bersandar digunakan untuk membandingkan penggunaan strategi pembelajaran bahasa dari segi gender. Untuk melihat pencapaian pelajar dalam bahasa Perancis, keputusan Peperiksaan DELF A1 dijadikan ukuran. Data yang diperolehi kemudiannya di analisis menggunakan SPSS versi 18.

Secara keseluruhan dapatan menunjukkan bahawa strategi sosial merupakan strategi yang paling tinggi kekerapan penggunaannya berbanding dengan strategi-strategi yang lain. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pelajar perempuan menggunakan lebih banyak

strategi berbanding dengan pelajar lelaki. Dapatan kajian juga mendapati bahawa pelajar yang mempunyai pencapaian yang tinggi lebih kerap menggunakan strategi pembelajaran berbanding dengan pelajar pada tahap sederhana dan lemah.

Berdasarkan dapatan kajian ini, dicadangkan agar para guru didedahkan dengan penggunaan strategi pembelajaran bahasa dan dimasukkan dalam silibus guru pelatih. Di samping itu, juga dicadangkan supaya pelajar diajar cara penggunaan strategi pembelajaran bahasa. Pengetahuan berkenaan dengan strategi pembelajaran bahasa memandu pelajar untuk lebih terarah kepada pembelajaran secara sendiri, membuat penilaian secara sendiri dan membentuk kemahiran sendiri selari dengan matlamat strategi pengajaran dan pembelajaran bestari.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

FRENCH LANGUAGE LEARNING STRATEGIES AMONG FORM TWO STUDENTS IN RESIDENTIAL SCHOOLS

By

MUHAMMED ZAINUL

April 2015

Chairman : Fadzilah Abd Rahman, PhD
Faculty : Educational Studies

This study generally investigates Languages Learning Strategies frequently used by students who learned French.

This survey involved 156 students in form two from six residential schools in the eastern zone. Subjects were chosen by sampling and purposive techniques. The Oxford's (1990) Strategy Inventory for Language Learning (SILL) was administered to one hundred and fifty six Form Two students with some modifications in the questionnaires. The questionnaires were also translated into Malay. The aspects that were examined entails the six language learning strategies classified by Oxford (1990) as cognitive strategies, memory strategies, compensation strategies, metacognitive strategies, affective strategies and social strategies. Independent T-test was used to compare the strategies used by the genders. In order to measure the achievement of the student, the examination results of the DELF A1 in 2011 were used. The data were then analysed using SPSS version 18.

Based on the overall findings, most of the students preferred to use social strategies. The results also showed that female students used more learning strategies than male students. Findings also showed that students with high achievement employed language learning strategies more frequently than medium and low achievement students.

Based from the findings, the language teacher should be exposed to the use of language learning strategies and they should be included in the syllabus for teacher trainees. Furthermore students should be trained with language learning strategies. The knowledge of these strategies will empower students toward a better self-evaluation, self-study and form better skills in line with smart teaching and learning goals.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi yang mengurniakan kekuatan kepada saya dan memudahkan saya untuk menghabiskan tesis ini. Selawat dan salam ke atas junjungan Mulia, Nabi Muhammad s.a.w, keluarga dan sahabat baginda s.a.w.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih ditujukan kepada Dr. Fadzilah Abd. Rahman yang begitu tekun membimbing saya dan memberi tunjuk ajar sepanjang menjalankan kajian, semoga Allah s.w.t membalas jasa beliau dengan kebaikan yang banyak. Beliau banyak menyumbangkan idea yang bernas sehingga muncullah tesis ini.

Tidak lupa juga kepada Dr. Abdullah Mat Rashid @ Mat Idris yang banyak membimbing saya khusus berkenaan dengan statistik dan pengintrepati data. Beliau tidak pernah jemu memberi kritikan yang membina dalam usaha merealisasikan tesis ini. Ketekunan dan kegigihan beliau selaku pembimbing amatlah dihargai.

Terima kasih juga kepada kakitangan pengurusan dan pentadbiran, fakulti pengajian pendidikan telah banyak membantu dalam urusan berkaitan dengan tesis saya.

Begitu jua kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, guru-guru dan sahabat handai yang banyak memberi dorongan dan bantuan serta mengemukakan idea dalam penghasilan tesis ini.

Akhir kata kepada isteri yang tercinta, anak, bonda dan ayahanda dan ahli keluarga yang lain, yang tidak pernah lengang dari menadah tangan berdoa ke hadrat Allah swt agar dipermudahkan dan diberi kejayaan kepada saya.

Dengan penuh kerendahan hati, saya memohon maaf atas segala kekurangan yang berlaku dalam penghasilan tesis ini. Mudah-mudahan tesis ini akan menjadi panduan yang berguna kepada penyelidik-penyelidik dan generasi akan datang.

Saya mengesahkan bahawa satu JawatanKuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 1 April 2015 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Muhammed bin Zainul bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Strategi Pembelajaran Bahasa Perancis dalam kalangan Pelajar Tingkatan Dua di Sekolah Berasrama Penuh” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U. (A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Nor Hayati binti Alwi, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Abd. Rauf bin Hassan, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Roselan bin Baki, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Patricia Nora Riget, PhD

Fakulti Bahasa dan Linguistik
Universiti Malaya
Malaysia
(Pemeriksa Luar)

ZULKARNAIN ZAINAL, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh : 7 Julai 2015

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Fadzilah binti Abd. Rahman, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Abdullah bin Mat Rashid @ Mat Idris, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

Perakuan pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: _____

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dari penulisan tesis ini adalah dibawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: _____

Tandatangan: _____

Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: _____

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
BAB	
1	
PENGENALAN	
Latar Belakang Kajian	1
Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Perancis sebagai Bahasa Asing di Sekolah Berasrama Penuh di Malaysia	1
Kajian Strategi Pembelajaran Bahasa	2
Persijilan DELF	5
Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Perancis Tingkatan Dua	6
Objektif Pembelajaran Bahasa Perancis	6
Kandungan Sukatan Pelajaran Bahasa Perancis	6
Pernyataan Masalah	7
Matlamat Umum Kajian	9
Objektif kajian	9
Persoalan kajian	10
Kepentingan Kajian	11
Batasan Kajian	12
Definisi Operasional	13
Strategi Pembelajaran Bahasa	13
Pembelajaran Bahasa Kedua atau Bahasa Asing	14
Sistem Klasifikasi Strategi Oxford	14
Tahap Pencapaian Bahasa Perancis	15
Sekolah Berasrama Penuh	15
Kesimpulan	15

2	SOROTAN LITERATUR	
	Pendahuluan	16
	Definisi Strategi Pembelajaran Bahasa	16
	Kajian Strategi Pembelajaran Bahasa	18
	Kajian-kajian lain Berkaitan dengan Strategi Pembelajaran Bahasa	23
	Taksonomi Strategi Pembelajaran Bahasa Oxford	24
	Strategi Pembelajaran Bahasa Secara Langsung	25
	Strategi Pembelajaran Bahasa Secara Tidak Langsung	29
	Rumusan Sorotan Kajian	32
	Kerangka Teoritikal	33
	Kerangka Konseptual Kajian	36
	Kesimpulan	38
3	METODOLOGI KAJIAN	
	Pendahuluan	38
	Reka bentuk Kajian	38
	Populasi	39
	Sampel Kajian	39
	Instrumen kajian	40
	Inventori Strategi Pembelajaran Bahasa	41
	Penentuan Tahap Pencapaian Pelajar	41
	Kajian Rintis	43
	Prosedur Pemerolehan Data	43
	Prosedur Analisis Data	44
	Kesimpulan	46
4	ANALISIS DATA	
	Pendahuluan	47
	Latar Belakang Responden	47
	Dapatan Kajian	48
	Persoalan Kajian Satu	49
	Strategi Memori	51
	Strategi Kognitif	52
	Strategi Kompensasi	54
	Strategi Metakognitif	54
	Strategi Afektif	55
	Strategi Sosial	56

	Persoalan Kajian Dua	57
	Persoalan Kajian Tiga	59
	Persoalan Kajian Empat	60
	Persoalan Kajian Lima	63
	Persoalan Kajian Enam	63
	Persoalan Kajian Tujuh	64
	Persoalan Kajian Lapan	64
	Persoalan Kajian Sembilan	64
	Persoalan Kajian Sepuluh	65
	Kesimpulan	65
5	RUMUSAN, PERBINCANGAN, CADANGAN DAN CADANGAN KAJIAN LANJUTAN	
	Pendahuluan	66
	Rumusan	66
	Perbincangan	68
	Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Perancis secara keseluruhan dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Dua	68
	Tahap Pencapaian Pelajar Bahasa Perancis dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Dua	69
	Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Perancis dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Dua Berdasarkan Gender	69
	Skor Min Pelajar PT, PS dan PR Terhadap Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Perancis Secara Keseluruhan dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Dua	70
	Skor Min Pelajar PT, PS dan PR Terhadap Penggunaan Strategi Memori dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Dua di Sekolah Berasrama Penuh	71
	Skor Min Pelajar PT, PS dan PR Terhadap Penggunaan Strategi Kognitif dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Dua di Sekolah Berasrama Penuh	72
	Skor Min Pelajar PT, PS dan PR Terhadap Penggunaan Strategi Kompensasi dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Dua di Sekolah Berasrama Penuh	72
	Skor Min pelajar PT, PS dan PR Terhadap Penggunaan Strategi Metakognitif dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Dua di Sekolah Berasrama Penuh	72
	Skor Min Pelajar PT, PS dan PR Terhadap Penggunaan Strategi Afektif dalam kalangan Pelajar Tingkatan dua di Sekolah Berasrama Penuh	73

Skor Min Pelajar PT, PS dan PR Terhadap Penggunaan Strategi Sosial dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Dua di Sekolah Berasrama Penuh Cadangan	74
Cadangan Kajian Lanjutan	76
Kesimpulan	77
BIBLIOGRAFI	79
LAMPIRAN	89
BIODATA PELAJAR	106



SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1.1	Bilangan Sekolah dan Murid yang mengambil Peperiksaan Bahasa Perancis bagi tahun 2003-2011	2
1.2	Calon Peperiksaan DELF dan DALF antarai tahun 2005- 2008 di Malaysia	5
2.1	Definisi Strategi-strategi Pembelajaran Bahasa	16
2.2	Kajian-kajian Strategi Pembelajaran Bahasa Tahun 2000-2011	18
2.3	Strategi Pembelajaran Bahasa Secara Langsung (Oxford)	26
2.4	Strategi Pembelajaran Bahasa Secara Tidak Langsung (Oxford)	30
3.1	Bilangan Sekolah dan Sampel Kajian	40
3.2	Gred Pencapaian mengikut penggredan PMR	42
3.3	Selang Markah, Status dan Tahap Pencapaian Pelajar	43
3.4	Jarak Skor SILL Strategi Pembelajaran Bahasa	44
3.5	Persoalan Kajian dan Ujian Statistik	45
4.1	Taburan Pelajar Mengikut Jantina dan Sekolah yang Menjawab soal selidik	48
4.2	Interprestasi Kekekapan Tahap Penggunaan Strategi Pembelajaran bahasa	50
4.3	Kekekapan Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Perancis Mengikut Turutan	50
4.4	Kekekapan, Min dan Sisihan Piawai bagi Strategi Memori Mengikut Turutan	51
4.5	Kekekapan, Min dan Sisihan Piawai bagi Strategi Kognitif Mengikut Turutan	52
4.6	Kekekapan, Min dan Sisihan Piawai bagi Strategi Kompensasi Mengikut Turutan	54
4.7	Kekekapan, Min dan Sisihan Piawai bagi Strategi Metakognitif Mengikut Turutan	55
4.8	Kekekapan, Min dan Sisihan Piawai bagi Strategi Afektif Mengikut Turutan	56
4.9	Kekekapan, Min dan Sisihan Piawai bagi Strategi Sosial Mengikut Turutan	57
4.10	Perbandingan Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Perancis mengikut Jantina (n=78 lelaki dan 78 perempuan)	59
4.11	Markah dan tahap Pencapaian Pelajar	60

4.12	Jadual Rumusan ANOVA Strategi Pembelajaran Bahasa Perancis	61
4.13	Variasi Penggunaan Kategori Strategi berdasarkan tahap pencapaian bahasa	62



SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
2.1	Taksonomi Strategi Pembelajaran Bahasa Oxford	25
2.2	Teori, Model dan Strategi Pembelajaran Bahasa	35
2.3	Ilustrasi Kerangka Konseptual	37



SENARAI SINGKATAN

SILL	Strategy Inventory for Language Learning
DELFF	Diplôme d'Etudes en Langue Française
DALF	Diplôme Approfondi de langue Française
SDAR	Sekolah Dato Abdul Razak
SPB	Strategi Pembelajaran Bahasa
SBP	Sekolah Berasrama Penuh
IPGM	Institut Perguruan Guru Malaysia
CIEP	Centre International d'Etudes Pédagogiques
CEFR	Common European Framework of Reference for languages
CECR	Le Cadre européen commun de référence pour les langues
HSP	Huraian Sukatan Pelajaran
OIF	Organisation internationale Francophonie
SPSS	The Statistical Package for the Social
BPSBPSK	Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan

© COPYRIGHT UPM



BAB 1

PENGENALAN

Latar Belakang Kajian

Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Perancis sebagai Bahasa Asing di Sekolah Berasrama Penuh di Malaysia

Bahasa Perancis merupakan salah satu bahasa utama dalam komunikasi antarabangsa. Hal ini dapat dibuktikan dengan jumlah penutur bahasa Perancis di seantero dunia melebihi 200 juta dan lebih 70 buah negara mempunyai pertubuhan antarabangsa penutur bahasa perancis yang dikenali sebagai *Organisation internationale Francophonie* (OIF). Salah satu sebab berkembangnya bahasa ini di seluruh dunia adalah disebabkan organisasi yang membantu dalam memperkembang bahasa Perancis melalui pelbagai program yang dirancang dan dilaksanakan sama ada di pihak kerajaan atau Badan Bukan Kerajaan (lihat DELF-DALF *in Malaysia*, 2009)

Dalam konteks Malaysia, program bahasa Perancis mula diperkenalkan di Sekolah Berasrama Penuh (SBP) pada tahun 1973, secara tidak rasmi di Sekolah Menengah Sains Selangor, Kuala Lumpur. Kemudian, mata pelajaran tersebut diperkenalkan di SBP secara berperingkat-peringkat dari tahun 1976 dan kemudiannya mula diperluas ke sekolah harian biasa pada tahun 2005 (Lim, 1991, DELF-DALF *in Malaysia*, 2009). Pada tahun 1976 Sekolah Dato' Abdul Razak (SDAR), Seremban, merupakan satu-satunya sekolah yang menawarkan bahasa tersebut sehingga tahun 1984. Pada penghujung tahun 1984 mata pelajaran tersebut diperluas ke lima buah SBP, sebagai mata pelajaran rasmi (Welch, 1991).

Melalui perluasan mata pelajaran ini, maka sebagai langkah permulaan guru-guru yang dipilih untuk mengajar bahasa Perancis adalah dalam kalangan pelajar lepasan Diploma Bahasa Perancis di Universiti Malaya dan juga guru-guru dari rakyat asing yang dilantik secara kontrak. Pada tahun 1992, Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama kedutaan Perancis di Malaysia dan Alliance Francaise, Kuala Lumpur, telah menghantar guru-guru ke Besançon, Perancis untuk mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Pengajaran Bahasa Perancis sebagai bahasa asing (*Licence en Français Langue Etrangère*).

Selaras dengan perkembangan ini, pelbagai program telah dijalankan oleh kerajaan Malaysia dan Perancis untuk memperluas penggunaan bahasa Perancis di Malaysia. Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Pusat Bil. 3/2005 bertarikh 29 Jun 2005 telah memutuskan bahawa bermula tahun 2005,

pengajaran bahasa Perancis dimantapkan di SBP serta diperluas ke sekolah menengah harian terpilih sebagai mata pelajaran elektif bagi murid tingkatan satu hingga tingkatan lima (lihat Jadual 1.1).

Jadual 1.1: Bilangan Sekolah dan Murid yang Mengambil Peperiksaan Bahasa Perancis bagi Tahun 2003 – 2011

TAHUN	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011
Bil. Sekolah	32	32	37	37	38	38	38	38	40
Bil. Pelajar	3840	3920	4275	4625	4925	5043	5165	5326	5449

(Sumber: Pusat Perkembangan Kurikulum, 2010)

Bagi meneruskan agenda kelangsungan penggunaan bahasa Perancis di Malaysia, maka pada Mac 2011 Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) telah memperkenalkan Program Berkembar dengan Universite de Franche-Comté. Program ini telah ditawarkan kepada calon yang mempunyai pengetahuan asas bertutur dan menulis Bahasa Perancis serta memiliki sijil kelayakan Bahasa Perancis sekurang-kurangnya DELF (*Diplome d'Etudes en Langue Française*) A2. Sebagai prasyarat, calon dikehendaki mengikuti Kursus Persediaan selama 4 semester di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Calon yang lulus Kursus Persediaan dengan jayanya akan ditawarkan mengikuti Program Berkembar Bahasa Perancis selama 6 hingga 7 semester di Perancis. Pada tahun empat (4), calon akan menyambung berkursus di IPGM kampus Institut Perguruan Bahasa Antarabangsa.

Program Keluarga Angkat juga turut diperkenalkan bagi menggalakkan pelajar-pelajar berinteraksi dengan penutur jati untuk meningkatkan lagi kemahiran berbahasa Perancis sebelum pelajar-pelajar pulang ke tanah air. Elemen *immersion* melalui Program Keluarga Angkat menggalakkan pelajar berinteraksi dengan penutur jati, belajar budaya dan sejarah negara tersebut (lihat Bahagian Perkembangan Kurikulum, 2011). Program *immersion* merupakan strategi pembelajaran bahasa secara tidak langsung kerana ia melibatkan interaksi dengan penutur jati dan merupakan komponen kepada strategi sosial, metakognitif dan afektif (Oxford, 1990). Pendedahan ini memberi kelebihan kepada guru-guru untuk mengaplikasi strategi pembelajaran bahasa kepada pelajar-pelajar mereka.

Kajian Strategi Pembelajaran Bahasa

Kajian berkenaan strategi pembelajaran bahasa (SPB) pada peringkat awal dikesan dalam tahun 1970an seperti kajian-kajian yang dijalankan oleh Rubin (1975), Stern (1975) Naiman et al. (1975) dan beberapa penyelidik lain. Kajian

mereka banyak memberi tumpuan terhadap pelajar cemerlang. Salah satu tujuan kajian adalah untuk mengenal pasti strategi-strategi yang digunakan oleh pelajar yang berjaya supaya strategi-strategi ini boleh diajar kepada pelajar yang lemah. Kajian berkenaan penggunaan SPB khususnya dalam kalangan pelajar yang cemerlang adalah sangat penting untuk melihat sebab-sebab kejayaan mereka. Malah pendedahan kepada penggunaan SPB dilihat mampu memacu pelajar ke arah kejayaan (Kamarul Shukri dan Mohammad Amin, 2009). Banyak kajian membuktikan penggunaan SPB berperanan melahirkan pelajar yang berjaya. Kejayaan mereka dilihat dalam pelbagai perspektif antaranya prestasi berbahasa mereka adalah cepat, mudah menguasai perkataan dan ayat baru atau sering mencapai skor yang tinggi dalam pembelajaran bahasa (Chamot 2005; Oxford 1993). Malah ada kalangan penyelidik menyatakan perlunya pelajar-pelajar diberi pendedahan dalam penggunaan SPB. Graham (1997) pula mencadangkan agar pelajar-pelajar diberi latihan dalam penggunaan SPB. Pendapat ini disokong oleh Bruen (2001) dan O'Malley *et al.* (1985) di mana mereka berpendapat bahawa guru bahasa kedua boleh memainkan peranan yang aktif dengan mengajar pelajar cara mengaplikasikan SPB dalam pelbagai aktiviti bahasa dan mengembangkan strategi kepada tugas-tugas baharu dalam kelas bahasa.

Kajian menunjukkan bahawa perbezaan antara pelajar yang efektif dengan pelajar yang kurang efektif, berkisar kepada persoalan cara penggunaan SPB dan memilih kesesuaian SPB dalam menangani tugas-tugas yang diberikan (Vann & Abraham, 1990).

Menurut Takeuchi (1993), pelajar bahasa yang cemerlang merupakan seorang pelajar yang aktif secara mental, produktif, mempraktikkan komunikasi dalam bahasa yang dipelajari, menggunakan pengetahuan umum dan linguistik, dan menggunakan kepelbagaian teknik untuk mengingat dan menyoal untuk mendapatkan kepastian. Hal ini bersesuaian dengan Oxford (1990) yang merujuk SPB sebagai aksi khusus, tingkahlaku, langkah-langkah atau teknik yang digunakan oleh pelajar untuk menambahbaik kemajuan mereka dalam memahami, dan mendalami penggunaan bahasa kedua. Beliau turut menambah bahawa kesemua SPB mengarah kepada matlamat kemahiran berkomunikasi yang lebih luas. Perkembangan kemahiran komunikatif memerlukan interaksi yang realistik dalam kalangan pelajar-pelajar bahasa dengan menggunakan konteks bahasa yang bermakna.

SPB yang sesuai seringkali dikaitkan dengan kecemerlangan pelajar (Green & Oxford, 1995). Kajian terhadap SPB menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai tahap pencapaian yang cemerlang bukan sahaja menggunakan pelbagai jenis strategi pembelajaran malah kekerapan penggunaannya lebih tinggi berbanding dengan pelajar yang sederhana dan lemah (Kamarul Shukri *et al.*, 2010; Takeuchi, 1993; Oxford, 1990; Rubin, 1987; Stern, 1975; Green & Oxford 1995; Griffiths 2003; Wu, 2008). Kajian yang dijalankan oleh Yu &

Wang (2009) dan Liu (2010) menunjukkan strategi memori, kognitif, metakognitif dan afektif lebih kerap digunakan berbanding dengan SPB yang lain. Hal ini dikuatkan lagi dalam kajian yang dijalankan Kato (2005) terhadap pencapaian bahasa Inggeris di mana kombinasi strategi metakognitif, strategi afektif dan strategi kognitif kerap digunakan.

Selain itu, berdasarkan beberapa kajian, terdapat hubungan antara SPB dengan tahap pencapaian pelajar (O'Malley, *et al.*, 1985, Bremner; 1999, Oxford 1990; Wharton; 2000, Anida 1990; Tan *et al.*, 2010). Kajian yang dijalankan oleh Murray (2010) ke atas pembelajaran bahasa Korea sebagai bahasa asing menunjukkan terdapat hubungan positif yang rendah di antara skor SILL dengan tahap pencapaian pelajar. Sementara Tan *et al.* (2010) pula mendapati perbezaan hanyalah dalam strategi kompensasi.

Kajian terhadap pembelajaran bahasa kini bukan hanya terbatas kepada mengklasifikasi dan menyelidik tentang SPB dalam kalangan pelajar malah kajian turut meliputi perbezaan individu seperti gender (Bremmer, 1999; Green & Oxford, 1995; El-Dib, 2004; Zamri Mahamod dan Mohamed Amin, 2005), etnik (Park, 1997) dan sebagainya. Kajian yang dijalankan oleh El-Dib (2004) dan Khalil (2005) menunjukkan terdapat kesan yang signifikan antara SPB dengan gender. Berlainan pula dengan kajian yang dijalankan oleh Rahimi. M, Riazi. A & Saif.S (2004) di mana mereka mendapati tidak terdapat kesan yang signifikan antara strategi pembelajaran bahasa dengan gender.

Kajian lain pula menunjukkan terdapat hubungan antara SPB dan gender dengan tahap pencapaian pelajar. Kajian yang dijalankan oleh Wharton (2000) mendapati lebih banyak penggunaan SPB digunakan oleh pelajar yang mempunyai pencapaian yang tinggi dan dalam kalangan lelaki. Namun demikian terdapat peningkatan bukti dalam kajian-kajian terdahulu menyatakan bahawa pelajar-pelajar perempuan lebih kerap menggunakan SPB berbanding dengan pelajar lelaki (Green & Oxford, 1995).

Berdasarkan kajian-kajian terdahulu, dapat disimpulkan bahawa pelajar bahasa dapat berdikari, bersifat autonomi dan dapat meningkatkan tahap sendiri jika mereka dapat menggunakan SPB dalam proses pembelajaran bahasa (Oxford, 1990; Mohamed Amin dan Mohd. Zaki, 2010).

Kesimpulannya, bagi mengetahui penggunaan SPB dalam kalangan pelajar khusus dalam bahasa Perancis, maka suatu kajian harus dijalankan. Daripada kajian tersebut, guru-guru mendapat maklumat berkenaan dengan pelbagai strategi yang digunakan oleh pelajar dan mungkin boleh mendorong pelajar-pelajar atau mengajar pelajar-pelajar mengenai SPB. Selain itu, pengetahuan mengenai SPB dari segi gender dapat memantapkan lagi pengajaran dan

pembelajaran guru. Dengan itu, penyelidik merasakan kajian SPB sentiasa relevan dan sejajar dengan perkembangan bahasa Perancis di Malaysia.

Persijilan DELF

Diplôme d'Etudes en Langue Française (DELF) merupakan sijil rasmi yang dianugerahkan oleh *Centre International d'Etudes Pédagogiques* (CIEP), Kementerian Pendidikan Perancis sebagai mengiktiraf kemahiran-kemahiran yang dikuasai oleh penuntut asing dalam bahasa Perancis. Sijil ini mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

Semenjak tahun 1985, lebih 3 juta calon telah mengambil peperiksaan ini yang dikendalikan di lebih 150 buah negara dan jumlah ini sentiasa meningkat dari setahun ke setahun. Di Malaysia, semenjak 2005 sehingga 2008, jumlah calon yang mengambil peperiksaan ini meningkat hampir seratus peratus. Jadual 1. 2 menunjukkan peningkatan tersebut.

Jadual 1. 2 Calon Peperiksaan DELF dan DALF antara 2005-2008 di Malaysia

Versi	Sessi	2008	2007	2006	2005
Umum	Jun	239	225	161	-
Umum	November	307	222	216	135
Sekolah	September	2,061	2,051	1,987	1641
Junior	November	44	-	-	-
Jumlah keseluruhan Calon		2,651	2,498	2,364	1,776
Sessi Seluruh Dunia		249, 065	232,674	195,565	32,958

(Sumber: DELF-DALF in Malaysia , 2009)

Selain dari pelajar sekolah berasrama Penuh (SBP), pelajar kolej, universiti dan sekolah harian juga ditawarkan untuk mengambil Peperiksaan DELF.

Terdapat tiga versi DELF iaitu versi "*Tous Publics*", "*Scolaire*" dan "*Junior*" yang terdiri dari 4 tahap: DELF A1, DELF A2, DELF B1 dan B2. Bagi peringkat lanjutan, pelajar akan ditawarkan dengan peperiksaan *Diplome Aprofondi Langue Francaise* (DALF). Di peringkat sekolah menengah pula, pelajar-pelajar dikehendaki mengambil peperiksaan DELF *Scolaire*. Pelajar akan diperaku kemahiran mereka sekiranya mereka berjaya mencapai tahap yang ditetapkan oleh *le Cadre Europeen Commun de Reference pour les langues*

(CECR) atau *Common European Framework of Reference for languages* (CEFR).

Bagi melayakkan calon lulus dalam peperiksaan DELF, penutur dilihat dari empat aspek iaitu kemahiran lisan, pemahaman mendengar, pemahaman menulis dan kemahiran menulis atau mengarang. Maka untuk memantapkan keempat-empat kemahiran tersebut, salah-satunya mekanisme yang digunakan ialah SPB. Menurut Oxford (1989), SPB melibatkan pelbagai aspek seperti aspek kognitif, metakognitif, afektif dan sosial yang sesuai untuk membantu pelajar membina kecekapan berbahasa.. Perkara ini turut disokong oleh Lessard-Clouston (2011) yang menyatakan bahawa penggunaan SPB membantu membina kecekapan bahasa.

Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Perancis Tingkatan Dua

Objektif Pembelajaran Bahasa Perancis

Kurikulum bahasa Perancis sekolah menengah menekankan kepada empat aspek iaitu kemahiran lisan, pemahaman mendengar, pemahaman menulis dan kemahiran menulis atau mengarang. Kemahiran lisan dan pemahaman mendengar merupakan salah satu komponen yang penting dalam kurikulum bahasa Perancis. Pelajar-pelajar yang mengambil bahasa Perancis sebagai mata pelajaran pilihan di sekolah menengah dikehendaki menduduki DELF atau Peperiksaan Pencapaian Bahasa Perancis yang diiktiraf di peringkat antarabangsa yang juga memberi penekanan yang sama rata terhadap empat kemahiran di atas.

Kandungan Sukatan Pelajaran Bahasa Perancis

Dalam melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, guru diharapkan dapat memberikan penekanan pada unsur bernilai tambah, iaitu kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran konstruktivisme dan pembelajaran kontekstual. Kesemua kemahiran tersebut mempunyai kaitan dengan SPB. Di samping itu, nilai murni, serta semangat patriotik dan kewarganegaraan tetap diutamakan. Semua elemen ini diharapkan dapat memberikan keyakinan kepada murid dan boleh diaplikasikan dalam kehidupan harian dan dunia pekerjaan.

Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) Bahasa Perancis Sekolah Menengah Tingkatan Dua menggariskan hasil pembelajaran yang perlu dikuasai oleh murid berasaskan pendekatan masteri. Hasil pembelajaran tersebut dinyatakan secara eksplisit mengikut aras kesukaran isi kandungan dan tahap keupayaan

murid melalui pernyataan dalam huraian hasil pembelajaran. Pernyataan tersebut memberikan cabaran yang sesuai dengan murid dalam pendidikan sekolah menengah agar dapat melahirkan murid yang berketerampilan berbahasa dan berkomunikasi untuk pembangunan diri, memperoleh ilmu serta menjalin hubungan sosial selaras dengan perkembangan pesat era globalisasi (lihat HSP Tingkatan Dua, 2008).

Pernyataan Masalah

Semenjak penyelidik menjadi guru bahasa Perancis di SBP, penyelidik telah membuat pemerhatian dan mendapati masalah yang sering dihadapi oleh pelajar ketika mempelajari bahasa Perancis ialah kurang penguasaan dalam perbendaharaan kata khususnya berkaitan dengan gender sesuatu perkataan, masalah dalam pembinaan ayat, kurang memahami kesinambungan bunyi (liason), kurang mempraktikkan bahasa Perancis, kurang bercakap dengan penutur asli, masalah sebutan dan sebagainya.

Masalah ini secara umumnya berkait rapat dengan empat kemahiran yang diuji dalam DELF iaitu kemahiran lisan, pemahaman mendengar, pemahaman menulis dan kemahiran menulis atau mengarang. Keempat-empat kemahiran ini juga disarankan oleh Oxford (1990), iaitu perlu dikuasai dalam mempelajari bahasa asing.

Di samping itu, kemungkinan juga pelajar tidak mengetahui SPB yang sesuai untuk mempelajari keempat-empat kemahiran tersebut. Malah terdapat perbezaan tahap pencapaian antara pelajar yang cemerlang, sederhana dan lemah khususnya dalam keempat-empat kemahiran yang diuji. Ini menunjukkan terdapat kekurangan maklumat penggunaan SPB dalam kalangan pelajar yang mempelajari bahasa Perancis. Hal ini turut disokong oleh Noorhayati (2009) dan Nor Zihan (2011), di mana mereka mendapati biarpun program bahasa Perancis ini telah dilaksanakan lebih tiga dekad, namun terdapat satu kekurangan dari segi maklumat tentang SPB yang digunakan oleh para pelajar bahasa Perancis. Dengan kata lain, persoalan ini meliputi apakah SPB yang digunakan oleh para pelajar bahasa Perancis, dan adakah mereka menggunakan SPB yang sama seperti mana mereka mempelajari bahasa Melayu, bahasa Arab dan bahasa Inggeris. Kajian yang dijalankan oleh beberapa penyelidik tentang mengenal pasti strategi-strategi pembelajaran bahasa Inggeris (Mohamed Amin, 1999), strategi pembelajaran bahasa Arab (Anida, 2003), strategi pembelajaran bahasa Jepun (Wan Huzaini, 2008) dan strategi pembelajaran bahasa Melayu (Abu Talib 1989) mendapati bahawa terdapat hubungan positif antara penggunaan SPB dengan pencapaian bahasa pelajar. Pelajar yang berjaya kebiasaannya menggunakan lebih banyak SPB berbanding dengan pelajar yang kurang berjaya. Menurut Zamri dan Mohamed Amin (2005) dan Weinstein dan Mayer (1986), penggunaan strategi pembelajaran merupakan satu cara untuk membantu

seseorang berjaya dalam menguasai pengetahuan bagi sesuatu pelajaran. Perkara ini turut dinyatakan oleh Yip dan Chung (2005) bahawa strategi pembelajaran merupakan petunjuk terbaik bagi tahap pencapaian pelajar. Oleh kerana itu, pelajar memerlukan satu teknik atau kemahiran yang sistematik dan efektif dalam usaha untuk mempelajari dan menguasai bahasa Perancis (Graham, 1997).

Sehubungan itu, SPB dilihat sebagai satu cara untuk mengesan kejayaan pelajar iaitu dengan melihat kepada strategi yang digunakan oleh pelajar semasa mempelajari bahasa. Semua pelajar bahasa menggunakan pelbagai SPB untuk mencapai ke tahap tertentu, tetapi yang membezakan mereka ialah kekerapan dan pilihan penggunaan SPB (Chamot dan Kupper 1989). Ini menggambarkan bahawa pelajar-pelajar bahasa yang berjaya mempunyai kebolehan untuk menggunakan kombinasi jenis SPB secara khusus dengan cara yang efektif menurut keperluan pembelajaran mereka (Oxford et al., 1989). Hal ini turut disokong oleh Grenfell dan Harris (1999) di mana mereka berpendapat kajian terhadap SPB mendedahkan kita kepada proses yang berlaku dalam pembelajaran dari segi kognitif, metakognitif, sosial dan afektif. Maka dengan memperkembang SPB yang bersesuaian akan membuka ruang kepada pandu arah sendiri yang lebih luas. Pandu arah sendiri ini penting kerana guru-guru tidak selalu bersama pelajar untuk memberi panduan kepada mereka semasa mereka berada di luar waktu persekolahan (Yang, 1998). Tambahan pula, pandu arah sendiri ini penting ke arah perkembangan aktif dan kebolehan berbahasa bagi bahasa yang baharu (Oxford, 1990). Dalam konteks kajian ini, adalah wajar dilakukan satu kajian tentang strategi pembelajaran bahasa Perancis kerana kemungkinan SPB yang digunakan untuk bahasa Melayu dan bahasa Inggeris mungkin berbeza dengan strategi pembelajaran bahasa Perancis.

Selain itu, kebanyakan kajian SPB yang dijalankan di Malaysia banyak tertumpu kepada pembelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua ataupun kajian tentang strategi pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi di Malaysia. Antaranya kajian yang telah dijalankan oleh Abu Talib (1998) dan Zamri dan Mohamed Amin (2005). Kajian yang dijalankan dalam strategi pembelajaran bahasa Perancis sangat kurang. Kalau adapun kajian berkenaan dengan bahasa Perancis di Malaysia, ia lebih tertumpu kepada aspek linguistik (Teh, 2005; Azhar, 2006; Sharif; 2008, Omrah, 2009) dan kajian kes berkenaan dengan penggunaan buku Metod Ado yang dijalankan oleh Mohd. Zaidi (2005) dan kajian dari aspek kesusasteraan oleh Suziana (2005). Kajian berkenaan dengan strategi pembelajaran bahasa Perancis pula tertumpu dalam kalangan pelajar-pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (Norhayati, 2009; Hazlina; 2009). Kajian yang dijalankan oleh Nor Zihan (2011) dan Nor Zihan dan Saedah (2011) misalnya menjurus kepada faktor-faktor yang mempengaruhi kefahaman lisan dan strategi pembelajaran bahasa Perancis yang digunakan oleh pelajar SBP pada tahap DELF A2. Kajian terhadap penggunaan strategi pembelajaran bahasa Perancis dalam kalangan tingkatan Dua dalam mempelajari DELF A1 masih

kurang sedangkan DELF A1 merupakan tahap asas. Lantaran itu, Nor Zihan (2011) dan Norhayati (2009) mencadangkan agar kajian terhadap pembelajaran bahasa Perancis perlu dijalankan sebanyak mungkin agar maklumat yang lebih spesifik dan tepat dapat diperolehi.

Memandangkan maklumat berkenaan strategi pembelajaran bahasa Perancis dalam kalangan pelajar sekolah berasrama penuh masih kurang, khususnya bagi pelajar-pelajar di Malaysia maka penyelidik merasakan kajian berkaitan penggunaan SPB adalah perlu agar dapat dikongsikan dalam kalangan pendidik dan pelajar. Pengetahuan berkenaan juga membuka ruang untuk pelajar agar lebih proaktif, sendiri dan menguasai kemahiran berbahasa.

Matlamat Umum Kajian

Matlamat utama kajian ini adalah untuk melihat jenis-jenis dan kekerapan SPB yang digunakan dalam pembelajaran bahasa Perancis dalam kalangan pelajar-pelajar Sekolah Berasrama Penuh.

Objektif Kajian

Secara khusus objektif kajian ini adalah seperti berikut:-

1. Mengenal pasti penggunaan strategi pembelajaran bahasa dan tahap pencapaian bahasa Perancis dalam kalangan pelajar Tingkatan Dua di Sekolah Berasrama Penuh.
2. Menentukan perbezaan antara pelajar lelaki dan perempuan terhadap penggunaan strategi pembelajaran bahasa Perancis dalam kalangan pelajar Tingkatan Dua di Sekolah Berasrama Penuh.
3. Membandingkan perbezaan tahap pencapaian pelajar terhadap penggunaan strategi pembelajaran bahasa Perancis dalam kalangan pelajar Tingkatan Dua di Sekolah Berasrama Penuh.

Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menjawab soalan-soalan berikut:

1. Apakah penggunaan strategi pembelajaran bahasa Perancis secara keseluruhan dalam kalangan pelajar tingkatan dua di Sekolah Berasrama Penuh?
2. Apakah tahap pencapaian pelajar bahasa Perancis dalam kalangan pelajar tingkatan dua di Sekolah Berasrama Penuh?
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min pelajar lelaki dan perempuan terhadap penggunaan strategi pembelajaran bahasa Perancis dalam kalangan pelajar tingkatan dua di Sekolah Berasrama Penuh?
4. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min pelajar berpencapaian tinggi, berpencapaian sederhana dan berpencapaian rendah terhadap penggunaan strategi pembelajaran bahasa Perancis secara keseluruhannya dalam kalangan pelajar tingkatan dua di Sekolah Berasrama Penuh?
5. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min pelajar berpencapaian tinggi, berpencapaian sederhana dan berpencapaian rendah terhadap penggunaan strategi memori dalam kalangan pelajar tingkatan dua di Sekolah Berasrama Penuh?
6. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min pelajar berpencapaian tinggi, berpencapaian sederhana dan berpencapaian rendah terhadap penggunaan strategi kognitif dalam kalangan pelajar tingkatan dua di Sekolah Berasrama Penuh?
7. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min pelajar berpencapaian tinggi, berpencapaian sederhana dan berpencapaian rendah terhadap penggunaan strategi kompensasi dalam kalangan pelajar tingkatan dua di Sekolah Berasrama Penuh?
8. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min pelajar berpencapaian tinggi, berpencapaian sederhana dan berpencapaian rendah terhadap penggunaan strategi metakognitif dalam kalangan pelajar tingkatan dua di Sekolah Berasrama Penuh?
9. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min pelajar berpencapaian tinggi, berpencapaian sederhana dan berpencapaian rendah terhadap penggunaan strategi afektif dalam kalangan pelajar tingkatan dua di Sekolah Berasrama Penuh?

10. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min pelajar berpencapaian tinggi, berpencapaian sederhana dan berpencapaian rendah terhadap penggunaan strategi sosial dalam kalangan pelajar tingkatan dua di Sekolah Berasrama Penuh?

Kepentingan Kajian

Kepentingan bahasa-bahasa antarabangsa khususnya bahasa Perancis tidak dapat dinafikan perlu diajar bagi memudahkan pendedahan dalam bidang teknologi tinggi dan memenuhi keperluan negara untuk bersaing di persada antarabangsa. Ini akan memudahkan negara merealisasikan impian negara maju menjelang 2020.

Bagi memudahkan transformasi ini berlaku, maka salah satu mekanismenya ialah melalui SPB. Ini kerana SPB merupakan proses intelektual di mana maklumat yang diperolehi, ditransformasi, disimpan dan digunakan sehingga menjadikan pembelajaran lebih mudah, cepat dan menyeronokkan. (Rigney 1978; Oxford dan Burry-Stock; 1995; Mohamed Amin, 1996).

SPB yang sesuai akan mendorong dan meningkatkan pencapaian pelajar serta menambahkan keyakinan pelajar (Liu, 2010; Oxford 1990). Selain itu, menurut Yang dan Zhang (2010) perbezaan individu berkait rapat dengan SPB. Oleh sebab itu, penyelidik berasa amat penting dijalankan kajian terhadap strategi pembelajaran bahasa Perancis untuk melihat kesesuaian SPB yang digunakan oleh pelajar-pelajar.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk melihat tahap penguasaan para pelajar dan peningkatan dalam peperiksaan DELF. Ini selaras dengan usaha Kementerian Pendidikan Malaysia dan Institut Pengajian Tinggi untuk mempromosikan pembelajaran bahasa asing di Malaysia.

Kajian ini diharap dapat memberi maklumat atau menjadi bahan pengetahuan baharu kepada Kementerian Pelajaran Malaysia khususnya Bahagian Perkembangan Kurikulum dalam menyediakan rancangan atau kurikulum bahasa Perancis di Malaysia. Pengetahuan mengenai strategi pembelajaran yang spesifik dapat membantu pelajar menentu, merancang dan bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri terutama bagi mempelajari bahasa Perancis. Kajian ini sangat bermanfaat bagi melihat jenis SPB yang sesuai dan paling efektif bagi menguasai bahasa Perancis. Ini kerana SPB merupakan alat yang boleh digunakan untuk penyelesaian masalah, tugas yang perlu disempurnakan, objektif dan matlamat yang perlu dicapai (Oxford, 1990). Dengan mengkaji strategi-strategi yang digunakan oleh pelajar semasa mempelajari bahasa Perancis, guru-guru bahasa Perancis dan

pembuat dasar dapat melihat proses metakognitif, sosial dan afektif dalam pembelajaran bahasa Perancis.

Di samping itu, dapatan kajian ini diharapkan dapat dijadikan sebahagian dari bahan perbincangan yang boleh digunakan oleh guru-guru bahasa Perancis di SBPh bagi menentukan strategi pembelajaran yang berkesan dalam usaha meningkatkan tahap pencapaian bahasa Perancis. Pengetahuan mengenai strategi pembelajaran bahasa Perancis yang berkesan berdasarkan tahap kemampuan pelajar mereka yang berbeza dalam mempelajari bahasa Perancis akan memudahkan guru menyediakan aktiviti atau program yang bersesuaian, mudah, berkesan dan boleh menimbulkan minat kepada para pelajar bahasa Perancis.

Di harap kajian ini akan menjadi permulaan yang baru dalam usaha mengenal pasti hubungan SPB dengan tahap pencapaian pelajar bahasa Perancis kepada penyelidik lain di Malaysia.

Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada pengumpulan data berkaitan strategi pembelajaran bahasa Perancis dalam kalangan pelajar tingkatan dua di SBP di Zon Timur yang menduduki peperiksaan DELF A1 dalam tahun 2011. Memandangkan Zon Timur merupakan salah satu lokasi SBP yang banyak menawarkan bahasa Perancis pada tahun 2011, maka Zon Timur telah dipilih untuk dijadikan lokasi kajian.

Pelajar tingkatan dua dipilih untuk kajian ini kerana syarat untuk menduduki peperiksaan DELF A1, pelajar perlu menghabiskan 60 hingga 100 jam waktu pembelajaran bahasa Perancis (DELTA-DALF *in Malaysia*, 2009). Maka tempoh pembelajaran bahasa Perancis selama lebih kurang dua tahun sudah memadai untuk layak menduduki peperiksaan DELF A1. Selain itu, penyelidik hanya membuat kajian ke atas sekolah bercampur lelaki dan perempuan dalam kelas yang sama sahaja. Ini bermakna fokus kajian ini terbatas kepada enam buah dari lapan buah sekolah berasrama penuh yang terletak di Zon Timur iaitu di Negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang. Sekolah Menengah Sains Pasir Puteh, Kelantan tidak disenaraikan disebabkan sekolah tersebut hanya untuk satu jantina sahaja. Begitu juga Sekolah Menengah Sains Machang di Kelantan kerana pelajar yang mengambil DELF A1 pada tahun 2011, terdiri dari pelajar tingkatan tiga. Maka dengan itu hanya enam buah sekolah menjadi tumpuan penyelidik iaitu Sekolah Menengah Sains Tengku Muhammad Faris Petra, Pengkalan Chepa di Negeri Kelantan, Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Batu Rakit, Sekolah Menengah Sains Sultan Mahmud dan Sekolah Menengah Sains Dungun di Negeri Terengganu dan Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Pekan atau dikenali sebagai Sekolah Berasrama Penuh

Integrasi Tun Abdul Razak (InSTAR) dan Sekolah Menengah Sultan Haji Ahmad Shah Pekan di Negeri Pahang.

Penilaian tahap pencapaian pelajar terbatas kepada keputusan Peperiksaan DELF A1 pada tahun 2011. Penilaian terhadap SPB pelajar pula dilakukan menerusi borang soal selidik menggunakan *SILL Oxford* versi 7 yang telah diadaptasi dan diterjemah dalam bahasa Melayu. Maklum balas yang diberikan oleh subjek kajian hanya terbatas kepada soalan-soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik. Kebolehpercayaan hasil kajian bergantung kepada kefahaman, kesungguhan dan keikhlasan subjek kajian menjawab item-item yang disediakan.

Oleh yang demikian, sebarang justifikasi untuk menggunakan dapatan kajian yang diperolehi bagi membuat generalisasi bagi matapelajaran yang lain amat tidak relevan.

Kajian ini tidak melibatkan pelajar-pelajar tingkatan 1, 3, 4 dan 5 walaupun mereka menduduki peperiksaan yang sama iaitu DELF A1. Oleh itu, hasil kajian tidak dapat digunakan untuk membuat rumusan terhadap pelajar-pelajar di peringkat lain, tingkatan dan tahap lain.

Definisi Operasional

Dalam konteks kajian ini beberapa istilah penting perlu diberi huraian terperinci. Antara istilah-istilah penting yang berkaitan ialah:

Strategi Pembelajaran Bahasa

Pelbagai definisi telah diberikan oleh para penyelidik untuk mentakrif "Strategi Pembelajaran Bahasa" (SPB). Menurut O'Malley dan Chamot (1990), strategi pembelajaran merupakan tingkahlaku yang digunakan oleh pelajar untuk membantu pembelajaran agar mudah untuk memahami atau mengekalkan maklumat baharu. Pressley dan McCormick (1995) mendefinisikan SPB sebagai tingkahlaku secara sedar yang diambil oleh pelajar untuk mengurus pembelajaran dan seterusnya mencapai matlamat mereka. Mohamed Amin (2000) pula mendefinisikan SPB sebagai satu perancangan atau tindakan seseorang pelajar untuk mempertingkatkan proses pembelajaran mereka. Manakala Oxford (1990) pula menyatakan pembelajaran sebagai tindakan khusus untuk menjadikan pembelajaran mudah, senang, menyeronokkan, lebih efektif, lebih kepada pembelajaran secara sendiri dan mudah disesuaikan dengan suasana baharu.

Berdasarkan pendapat-pendapat yang dikemukakan di atas, dapatlah didefinisikan SPB sebagai perancangan yang teratur untuk mencapai matlamat. Ia memerlukan tindakan oleh pelajar supaya pembelajaran menjadi sesuatu yang menyeronokkan, senang, efektif, lebih kepada pembelajaran secara sendiri dan mudah disesuaikan dengan suasana baharu. Tindakan ini melibatkan proses mental dan komunikatif dalam usaha untuk meningkatkan tahap pencapaian dan keyakinan diri untuk berkomunikasi dalam bahasa sasaran.

Pembelajaran Bahasa Kedua atau Bahasa Asing

Bahasa sasaran atau bahasa yang dipelajari mungkin boleh menjadi bahasa kedua atau bahasa asing. Kedua-duanya perlu dibezakan. Menurut Oxford (1990) perbezaan antara pembelajaran bahasa sebagai bahasa kedua dengan pembelajaran bahasa sebagai bahasa asing perlu dilihat dari sudut di mana bahasa itu dipelajari dan fungsi bahasa tersebut dari segi sosial dan komunikatif. Pembelajaran bahasa sebagai bahasa kedua mempunyai peranan komunikasi dan sosial, sebagai contoh negara Kanada dan Belgium, di mana rakyatnya perlu menguasai lebih dari satu bahasa atas sebab-sebab politik, ekonomi dan profesional. Dalam konteks Malaysia, bahasa kedua ialah bahasa Inggeris. Pembelajaran bahasa asing pula ditakrifkan sebagai bahasa yang tidak digunakan oleh penduduk tempatan dan tidak mempunyai peranan komunikatif dalam urusan seharian di sesebuah negara. Sebagai contoh pelajar Malaysia yang mempelajari bahasa Perancis di Malaysia. Jelaslah dalam konteks kajian ini, bahasa Perancis yang dipelajari lebih dikenali sebagai bahasa asing.

Sistem Klasifikasi Strategi Oxford

Bagi tujuan kajian ini, penyelidik menggunakan definisi yang dikemukakan oleh Oxford (1990) seperti mana yang telah dijelaskan dalam definisi operasional mengenai SPB. Sehubungan itu, penyelidik menggunakan Sistem Klasifikasi Strategi Oxford versi 7 (*Oxford's Strategy Classification System*) 1990 sebagai instrumen kajian ini.

SPB dalam kajian ini berpandukan apa yang telah terkandung dalam Inventori Strategi Pembelajaran Bahasa (*SILL/ Strategy Inventory for language Learning*) yang telah dikemukakan oleh Oxford (1990). Tujuan SILL digunakan adalah untuk mengumpul data. SILL akan diterangkan secara terperinci dalam bab tiga.

Tahap Pencapaian Bahasa Perancis

Dalam kajian ini penyelidik merujuk tahap pencapaian pelajar berdasarkan pencapaian mereka dalam peperiksaan DELF A1 *scolaire*. DELF A1 *scolaire* merupakan peperiksaan yang dikhususkan untuk pelajar sekolah. Dalam peperiksaan ini, pelajar perlu lulus empat kemahiran iaitu kemahiran lisan, pemahaman mendengar, pemahaman menulis dan kemahiran menulis atau mengarang. Peratus kelulusan dalam peperiksaan DELF yang telah ditetapkan oleh *le Cadre Europeen Commun de reference pour les langues* atau *Common European Framework of Reference for languages* (CEFR) ialah 50 % ke atas dan setiap kemahiran mesti 5% ke atas.

Sekolah Berasrama Penuh

Dalam pendefinisan operasional ini, penyelidik ingin memberikan tafsiran Sekolah Berasrama Penuh (SBP) yang merujuk kepada sekolah yang dikawal selia sepenuhnya oleh Sektor Sekolah Berasrama Penuh, Kementerian Pendidikan Malaysia. Semenjak tahun 2009, sektor ini telah berkembang dan dikenali sebagai Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan (BPSBPSK).

SBP dalam kajian ini adalah merupakan sekolah menengah yang menyediakan kemudahan asrama sepenuhnya, untuk pelajar-pelajar yang berpotensi, terutamanya pelajar-pelajar luar bandar daripada keluarga kurang kemampuan bagi mendapatkan pendidikan dengan kemudahan yang lebih teratur dan sempurna (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012).

Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan mengenai latar belakang kajian terhadap SPB, pengajaran dan pembelajaran bahasa Perancis khusus di SBP di Malaysia, peperiksaan DELF dan keperluan pengajaran dan pembelajaran bahasa Perancis seperti yang terkandung dalam huraian sukatan bahasa Perancis. Turut dibincangkan dalam bab ini ialah tentang kepentingan bahasa Perancis dan sumbangannya terhadap pembangunan negara. Selain itu, bab ini juga turut membincangkan peranan SPB sebagai salah satu faktor yang dapat mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Bab berikutnya akan membincangkan secara terperinci SPB, tentang teori dan sorotan kajian berkaitan dengan SPB dan pencapaian tahap pelajar.

BIBLIOGRAFI

- Abu Talib Abdullah. (1989). *Gaya dan strategi pembelajaran Bahasa Melayu di kalangan pelajar-pelajar tingkatan 4 daerah Johor Bahru*. Kertas Projek 1&2 Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi
- Adlina Abdul Samad & Salveen Kaur. (2010) A survey on the language. Learning strategies used by The UHB 1412 students.pp1-7, <http://www.researchgate.net/publication/49910716>
- Anida Abdul Rahim (2003). *Strategi Pembelajaran bahasa Arab di kalangan Pelajar Melayu*. Tesis Master yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya. Kuala Lumpur
- Azhar Harun (2006). *Penggunaan preposisi bahasa Perancis di kalangan pelajar sekolah: satu kajian analisis kesilapan*, Disertasi Sarjana Bahasa dan Linguistik yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Bahagian Perkembangan Kurikulum (2011). Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bialystok, E. (1978). A Theoretical model of second language learning. *language learning*. 28. 69-83
- Bialystok, E. (1981). The role of conscious strategies in second language proficiency. *Modern language Journal*. 65. 24-35
- Bremner, S. (1999). Language learning strategies and language proficiency: Investigating the relationship in Hong Kong. *Canadian Modern Language Review*. 55: 490-514
- Brown, H. D. (2000). *Principles of language learning and teaching (4th ed.)*. Eaglewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Bruen, J. (2001). Strategies for success: Profiling the effective learner of German. *Foreign Language Annals*. 34(3): 216-225.

- Canale, M., & Swain, M. (1980). Theoretical bases of communicative approaches to language teaching and testing, *Applied linguistics*. 1(1): 1-47.
- Chambliss, D. F., & Schutt, R. K. (2009). *Making Sense of the social world, Method of investigation 3*. California: Pine Forge Press.
- Chamot, A.U. (2005). Language learning strategies instruction: Current Issues and Research. *Annual Review of Applied linguistics*. 25: 112-130.
- Chamot, A.U., & Kupper. L. (1989). Learning strategies in foreign language instruction. *Foreign Language Annals*. 22: 13-24.
- Chua, Y. P. (2011). Kaedah dan Statistik Penyelidikan. Asas Statistik Penyelidikan. Mc Graw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Cochran, W. G. (1977). *Sampling Techniques*. New York: John Wiley & Sons.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2002). *Research Methods in Education*. New York: Routledge
- Cresswell, J. W. (2005). *Educational research, Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative Research*. New Jersey: Prentice Hall.
- Cresswell, J. W. (2012). *Educational research, Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative Research*. (4th. Ed.) Upper Saddle River, N J: Pearson.
- Cummins, J. (1980). The cross-lingual dimensions of language proficiency: curriculum and pedagogy reform in China. *Asia Pacific Journal of Education* 29 (4): 457 -468
- Dansereau, D. F. (1985). Learning strategy research. In J.W. Segal. S.F. Chipman. & R. Glaser(Eds)., *Thinking and Learning Skills: Relating Learning to Basic Research* (pp. 209-240). Hillsdale, N.J: Erlbaum
- DELTA DALF in Malaysia (2009). Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Sdn. Bhd

- Ehrman, M., & Oxford, R. (1989). Effects of sex difference, carrier choice and psychology type on adult language learning strategies. *Modern Language Journal*. 73: 1- 13.
- El- Dib, M.A.B. (2004). Language learning strategies in Kuwait: Links to gender, language level and culture hybrid context. *Foreign Language Annals*. 37(1): 85-93
- Faerch, C., & Kasper, G. (1983). *Strategies in interlanguage communication*. London: Longman.
- Graham, S. (1997). *Effective language learning: positive strategies for advanced level language learning*. Clevedon, UK Multilingual Matters.
- Gravetter, F. J., & Walnau, L. B. (2011). *Essentials of Statistics for the Behavioral Sciences*. Belmont, C.A: Wadsworth.
- Green, J.M., & Oxford, R. (1995) A closer look at learning strategies, L2 proficiency, and gender. *TESOL Quarterly*. 29(2): 261-97
- Grenfell, M., & Harris, V. (1999). *Modern Languages and Learning Strategies. In theory and practice*. London: Routledge.
- Grenfell, M. (2007). Language learner strategy research and modern foreign language teaching and learning. *Language Learning Journal*. 35: 9-27.
- Griffiths, C., & Judy M. P. (2001). Language Learning strategies: theory and perception. *ELT Journal* . 55.. 247-254
- Griffiths, C. (2003). Patterns of language strategy use., *System*. 31: 367-383.
- Habibah Shuib (2010). *Strategi Pembelajaran dan kaitannya dengan pencapaian dan motivasi pelajar bahasa Jepun*. Tesis master belum terbit. Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Hazlina Abdul Halim, Normaliza Abd Rahim, Mohd Azidan Abdul Jabar & Adi Yasran Abdul Aziz (2009). The Writing Strategy in French Language Learning among Malaysian Students: A Qualitative Approach. *The International Journal of Learning*. 16 (5). 445-458..

Hsiao, T-Y., & Oxford. R. (2002). Comparing theories of language learning strategies: A Confirmatory factor analysis. *The Modern Language Journal*. 86 (3): 368-383.

Huraian Sukatan Pelajaran Tingkatan Dua (2008). Pusat Perkembangan Kurikulum. Kuala Lumpur.

Israel, G. D. (2009). *Determining Sample Size. Program Evaluation and Organizational Development*, IFAS. University of Florida.

Junaidah Abu Hurairah Habu (2006). *Strategi Pembelajaran Bahasa Jepun di Kalangan Pelajar pendidikan Melayu dan pelajar Pendidikan Cina*. Disertasi Sarjana.yant tidak diterbitkan.Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

Jurkovic, V. (2010). Effect of explicit language learning strategy Instruction on language test and self-assessment scores. *English language Teaching*. 3(1). 16-27.

Lantolf, J.P., & Thorne, S.L. (2008). *Sociocultural theory and genesis of Second Language. Development*. Oxford University Press.

Kamarul Shukri Mat Teh, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff, & Zamri Mahamod (2010). Hubungan Tahap Motivasi Dengan Strategi Pembelajaran Bahasa Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar sekolah Menengah Agama Terengganu. *Jurnal Teknologi*. 37-67.

Kamarul Shukri Mat Teh & Mohamed Amin Embi (2009). Korelasi strategi dengan motivasi dalam pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*. 24: 109-123.

Kamarul Shukri Mat Teh & Mohamed Amin Embi (2012). *Strategi Pembelajaran Bahasa*. Penerbit Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

Khalil, A. (2005). Assessment of language learning strategies used by Palestinian EFL learners. *Foreign Language Annals*. 30 (1). 108-117

Kato, S. (2005). How Language Learning Strategies affect English Proficiency in Japanese University students. *Journal of the Faculty of Human Studies Bunkyo Gakuin University*. 7(1). 239-262.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2012). *Dasar Pendidikan Kebangsaan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan*. Putrajaya.

Klein, W. (1986). *Second Language Acquisition*. Cambridge University Press.

Krashen, S. (1982). *Principles and Practice in Second Language Acquisition*. Oxford: Peragamon Press.

Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. (1970) Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30:608

Lessard-Clouston, M (2011) Language Learning strategies: *An Overview for L2 teacher (TESL)* pp. 1-16

Lim, S. (1991). Bulletin AMPF bil. 2. Kuala Lumpur: University Malaya.

Liu, J. (2010). A study on language learning strategies among the instructed EFL learners. *US-China Foreign Language*. 8(3). 36-39.

Macaro, E. (2006). Strategies for language Learning and for Language Use: Revising the Theoretical Framework. *The Modern Language Journal*. 86(3): 368-383

Macaro, E. (2001). *Learning strategies in foreign and second language classroom*. London and New York: Continuum.

Macaro, E. (2004). Fourteen features of a language learner strategy. Working Paper #4. Oxford: Department of Educational Studies, University of Oxford

May, T. (2011) *Social Research issues, method and process. (4 th. Ed.)*. Open University Press.

McLaughlin, B. (1978). *Theories of second language learning*. London: Arnold.

- Mohamed Amin Embi & Mohd. Zaki Mohd Amin (2010). *Strategies for successful Language learning*. Karisma Publications. Sdn. Bhd. Shah Alam.
- Mohamed Amin Embi (2000). *Language learning strategies: A malaysian context.*: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi
- Mohamed Amin Embi (1996). *Language learning strategies employed by secondary school students learning English as a foreign language in Malaysia*. Unpublished doctoral dissertation. School of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi
- Mohd Zaidi Basir (2005). *Penggunaan buku "Ado" dalam pengajaran & pembelajaran bahasa Perancis: satu kajian kes*. Disertasi Sarjana Bahasa dan Linguistik yang tidak diterbitkan . Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Morgan, G. A., Leech, N. L., Gloeckner, G. W., & Barnett, K. C. (2007). *SPSS for Introductory Statistics 3 ed*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- Murray, B. (2010). Students' Language Learning Strategy use and Achievement in the Korean as a Foreign. *Foreign Language Annals*. 43(3): 624-634.
- Naiman, N., Frohlich, M., & Todesco, A. (1975). The good second language learner. *TESL Talk*. 6: 58-76.
- Naiman, N., Frohlich, M., Stern, H., & Todesco, A. (1996). *The Good Language Learner*, Clevedon, UK: Multilingual Matters.
- Noorhayati Md. Ali (2009). Korelasi di antara strategi pembelajaran dan tahap penguasaan bahasa Perancis sebagai bahasa asing. Disertasi Sarjana Bahasa dan Linguistik yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nor Zihan Hussin (2009). Observation d'une classe de langue vivante. *Bulletin Association Malaisienne de Professeurs de francais*. 20: 15-17.

Nor Zihan Hussin & Saedah Siraj (2011). La comprehension orale des élèves de français langue étrangère au niveau A2 dans les écoles secondaires en Malaisie, Bulletin Association Malaisienne de Professeurs de français. 22: 3-6

Nor Zihan Hussin (2011). Pelaksanaan Pembelajaran Pemahaman Mendengar Dim Kurikulum Bahasa Perancis di Sekolah Menengah di Malaysia .Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

O'Malley, J.M., & Chamot, A. U. (1990). Learning Strategies in Second Language Acquisition. Cambridge: Cambridge University Press.

O'Malley, J.M., Chamot, A. U., Stewner-Manzanares, G., Russo, R.P., & Kupper, L.(1985). Learning strategy application with students of English as a second languages. TESOL Quarterly. 19: 557-584.

Omrah Hassan Hussin (2009). Etude comparee des verbes `supports faire, donner et prendre – buat/membuat, beri/memberi et ambil/mengambil en français et en malais. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. L'Université Paris IV- Sorbonne, Paris.

Oxford, R. (2003). Language learning styles and strategies: Concepts and relationships. *International Review of Applied linguistics*. 41. 271-278.

Oxford, R., & Nyikos, M. & Ehrman, M. (1989). Vive la difference? Reflections on sex differences in use of language learning strategies strategies. *Foreign Language Annals*. 21(4), 321-329.

Oxford, R. (1989). Use of language learning Strategies: A synthesis of studies with implications for strategy training. *System*.17: 235-247.

Oxford, R. (1990). *Language Learning Strategies. In What Every Teacher Should Know*. New York: Newbury House.

Oxford, R. (1993). Language learning strategies in a nutshell: Update and ESL suggestions. *TESOL Journal*. 2(2) , 18-22.

- Oxford, R. L., & M., Nyikos (1989). Variables affecting choice of Language learning strategies in a nutshell: Update and ESL suggestions. *TESOL Journal*. 2(2): 18-22.
- Oxford, R. L., & Burry-Stock, J. A. (1995). Assessing the use of language learning strategies worldwide with the ESL/EFL version of the strategy inventory for language learning (SILL). *System*. 23 (1): 1-23.
- Peacock, M., & Ho. B. (2003). Student language learning strategies across eight disciplines. *International Journal of Applied linguistics*. 13(2). 179-200
- Pressley, M., & Mc.Cormick, C. (1995). *Advanced educational psychology for educators, researchers and policymakers*. New York: HarperCollins College Publishers.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (2011). Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rahimi, M, Riazi, A., & Saif, S (2004) An Investigation into the factors affective the use of language learning strategies by Persian EFL Learners. *Canadian Journal of Applied Linguistics*, 31- 60.
- Rigney, J.W (1978) Learning Strategies a theoretical Perspective. Dlm. H. F. O 'Neil Jr.(pnyt)., Learning Strategies, New York. Academic Press. 164-203.
- Rubin, J. (1975). What the "good language learner" can teach us. *TESOL Quarterly*. 9: 41-51.
- Rubin, J. (1987). Learner Strategies: Theoretical assumptions, research, history and typology. Dalam A. Wenden & J. Rubin (Eds). *Learner strategies in Language Learning* (pp. 15-30), Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall
- Rubin, J. (2001). Language learner self management. *Journal of Asian Pasific Communication*. 11: 25-38.
- Sara kashefien-Naeni, Nooreiny Maarof (2010). Language Learning Strategies Used by ESL University Students. *The international Journal of learning*. 17(8): 47-61

- Sharif Salleh (2008). Ayat Bahasa Melayu dan Bahasa Perancis: Satu Analisis Penstruktur. *Bulletin Association Malaisienne des Professeurs de francais*. 19: 9-19
- Stern, H.H (1975). What can we learn from the good language learner? *Canadian Modern Language Review*. 31: 304-318.
- Suziana Mat Saad (2005). Terjemahan metafora Melayu ke bahasa Perancis: Analisis novel "Sarina". Disertasi Sarjana Bahasa dan Linguistik yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Takeuchi, O. (1993). Language Learning strategies and their relationship to achievement in English as Foreign language. *Language laboratory*. 30: 17-34.
- Tan, T G, Hairul Hizam Ismail & Muhammad Kamarul Kabilan (2010). Language learning strategies used by MFL students based on genders and achievement groups. *US – China Foreign Language*. 8(1): 50-59.
- Teh., H.Y. (2006). The learning of french articles by Malay secondary students: An error analysis. Disertasi Sarjana Bahasa dan Linguistik yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Tseng, S.F (2005). Language Learning Strategies in foreign language education. *WHAMPOA – An Interdisciplinary Journal*. 49: 321-328.
- Vandergrift, L (2003). Orchestrating strategies use: Toward a model of the skilled second language listener. *Language learning*. 53(3): 463-496
- Vann, R. J., & Abraham, R.G. (1990). Strategies of unsuccessful language learners. *TESOL Quarterly*. 24: 177-198
- Wan Huzaini Wan Husain (2008). Strategi pembelajaran bahasa Jepun di kalangan Pelajar tingkatan empat di Sekolah Berasrama Penuh. Tesis Sarjana Master Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Weinstein, C.E., & Mayer, R.E. (1986). The teaching of learning strategies. In M. Wittrock. (Ed), *Handbook of research on teaching*, 3rd ed. (pp. 315-327). New York: Macmillan.

- Welch, R. (1991). Bulletin AMPF bil 2. University Malaya.
- Wenden, A., and Rubin, J., Eds. (1987). *Learner Strategies in Language Learning*. Cambridge. Prentice Hall International.
- Wharton, G. (2000). Language Learning Strategies Use of Bilingual Foreign Learners in Singapore. *Language Learning*. 50(2): 203-243.
- Wu, Y.L (2008) Language learning strategies used students at different Proficiency Level. *Asian EFL Journal*. 10 (4): 75-95.
- Yang, S.S and Zhang Y. X (2010). The research of individual differences and English learning strategies. *US-China Foreign Language*. 8 (4).49-54
- Yang, N.D. (1998). Exploring a new role for teachers: promoting learner autonomy. *System*. 26(1): 127-35
- Yip, M. C.M., & Chung, L. L .(2005). Relationship of Study Strategies and Academic Performance in Different Learning Phrases of Higher Education in Hong Kong. *Educational Research and Evaluation*, 11 (1), 61-70.
- Yu, Yuanfang & Wang, Bing (2009). A study of language learning strategy use in the context of EFL curriculum and pedagogy reform in China. *Asia Pasific Journal of Education*. 29 (4): 457- 468.
- Zamri Mahamod (2004). Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu di Kalangan pelajar Melayu sekolah Menengah. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi
- Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi (2005). Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu mengikut Jantina di Luar Kelas. *Jurnal Pendidikan* 30. 51-73.
- Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi, Noriah Mohd Ishak & Juriah Long. (2002). Strategi pembelajaran bahasa dari segi jantina pelajar cemerlang: Satu kajian perbandingan. Proceedings of the international Conferences on Education for All, Bangi, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002.